

16 JUL 2001  
SKS-LOJI JANAKUASA  
SKS VENTURES MUNGKIN PINDAHKAN LOJI

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- SKS Ventures Sdn Bhd sedang mempertimbangkan untuk memindahkan loji janakuasa berkuasa arangnya berharga RM6 bilion yang masih belum dibina di Pulau Bunting, Kedah, ke negeri lain, kata pengerusinya, Datuk Hilmi Mohd Nor hari ini.

Cadangan pemindahan itu adalah disebabkan oleh kos tebus guna yang tinggi, kata Hilmi kepada pemberita pada sampingan Forum Kuasa Elektrik Malaysia 2001 di sini.

Pasir bagi kerja-kerja tebus guna itu, yang membabitkan kawasan seluas 800 hektar, kini dijangka lebih mahal daripada anggaran asal di bawah rancangan perniagaan projek Pulau Bunting.

Hari ini SKS Ventures menandatangani perjanjian awal kontrak dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Loji janakuasanya akan mempunyai kemampuan muktamad berjumlah 3x700 megawat dan unit penghantaran tenaga pertamanya akan mula beroperasi pada tahun 2006.

Menurut laporan terdahulu, Johor adalah salah sebuah negeri yang mungkin dipilih oleh SKS Ventures untuk menempatkan loji janakuasa yang akan dipindahkan itu.

Sementara itu, dalam satu sidang akhbar yang berasingan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan masih belum diberitahu secara rasmi tentang cadangan SKS Ventures untuk memindahkan loji janakuasanya itu.

Pulau Bunting merupakan sebahagian daripada projek besar tebus guna pantai berharga RM30 bilion di Kedah yang dimulakan oleh bekas Menteri Besar negeri itu. -- BERNAMA

ER SEL KY OS